

Taktik licik

peragut



H.M 23/7/02 M187

>>Oleh Zalifah Mohd Yatim

zalifah@hmetro.com.my

MUAR: Sekali pandang, mereka kelihatan seperti sepasang kekasih dilamun cinta dengan menjadikan motosikal sebagai kenderaan untuk bersiar-siar di sekitar daerah ini.

Lagak pasangan berusia 24 dan 19 tahun itu umpama belangkas. Namun, 'lakonan' itu hanya topeng untuk mengaburi pihak berkuasa apabila mereka rupa-rupanya suspek yang dipercayai terbabit dalam 11 kes ragut di sekitar daerah ini sejak dua bulan lalu, termasuk dua dilakukan bersama.

Taktik mereka mudah, iaitu menjadikan wanita bermotosikal berusia 20-an hingga 40-an sebagai sasaran.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Mohammad Nasir Ramli, berkata kegiatan pasangan kekasih itu terbongkar apabila polis menahan seorang gadis di Jalan Daud di sini, kira-kira jam 1 tengah hari pada 15 Julai lalu.

Menurutnya, pemeriksaan terhadap gadis berusia 19 tahun itu polis menemui satu rantai kunci berwarna merah, beg hitam, dompet, rantai emas, dua kad sim telefon bimbit, resit jualan barang kemas serta telefon bimbit.

Beliau berkata, susulan tangkapan pertama, polis menahan seorang lelaki, dua hari selepas gadis itu ditahan di lokasi sama.

"Lelaki berusia 24 tahun dari Sentul, Kuala Lumpur itu teman lelaki gadis berkenaan.

"Berdasarkan siasatan, mereka dipercayai melakukan dua kes ragut bersama daripada 11 kes yang disiasat membabitkan pasangan itu," katanya.

Menurutnya, polis menemui empat telefon bimbit, beberapa kad pengenalan milik orang lain dan dompet dalam pemeriksaan yang dijalankan terhadap lelaki itu serta di beberapa kedai di sekitar ini.

Katanya, kedai yang disiasat dipercayai menjadi tempat pasangan itu menjual barangan ragut.

"Dengan tertangkap pasangan kekasih itu, kami percaya 11 kes ragut yang dilaporkan di daerah ini dapat diselesaikan," katanya.

Sementara itu, katanya, satu pasukan khas ditubuhkan sejak 14 Julai lalu, bagi mencegah kes kecurian motosikal di daerah ini sejak awal tahun lalu.

Katanya, dalam tempoh seminggu, seramai 12 lelaki berusia antara 18 hingga 30-an ditahan bagi membantu siasatan 13 kes kecurian yang dilaporkan di daerah ini.

"Operasi itu masih diteruskan bagi menurunkan kadar kecurian motosikal yang paling tinggi dilaporkan di daerah ini," katanya.

Terbaru, katanya, seorang lelaki berusia 21 tahun ditahan kereta peronda polis (MPV) di Hentian Tangkak, di Kilometer 161 Lebuhraya Utara Selatan jam 1.15 pagi, kelmarin.

Dia ditahan ketika dilihat dalam keadaan mencurigakan ketika sedang menukar tiub tayar dan apabila pemeriksaan lanjut dijalankan mendapati motosikal yang ditunggang kenderaan curi.